

(16 November 2020) posmo, p. 6

Jangan sesuka hati pajak gerai

KUALA LUMPUR – Bakal peniaga yang berhasrat menyertai skim Wilayah Bebas Berniaga (WBB) diingatkan tidak sesuka hati menempatkan gerai sementara mereka untuk dijadikan lokasi perniagaan.

Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Annuar Musa berkata, peniaga diminta bekerjasama dengan Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) di kawasan masing-masing selain mematuhi garis panduan yang ditetapkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Katanya, MPP telah diberi kuasa untuk membantu DBKL bagi menyelaras setiap peniaga yang mengikuti inisiatif tersebut.

"Kita memberi kelonggaran kepada penjaja untuk berniaga khususnya dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) ini, namun aspek kawalan masih perlu dikuatkuasakan.

"Bukan semua tempat boleh 'pacak' gerai dan pemberian lesen penjaja sementara secara percuma selama enam bulan itu tidak bermaksud *free-for-all* (bebas apa sahaja)," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyerahkan lesen penjaja kepada 11 peniaga di Jalan 2/76D, Desa Pandan di sini semalam.

Tapak perniagaan di Jalan 2/76D itu musnah dalam satu



ANNUAR (kanan) beramah mesra dengan peniaga di Jalan Tun Tan Cheng Lock, Kuala Lumpur semalam. – AMIR KHALID

kebakaran pada 11 Ogos lalu dan dibina semula.

Menyentuh mengenai WBB, beliau mengakui sambutan diterima amat baik, malah difahamkan ramai penduduk dari negeri berdekatan turut bermenai menyertai skim tersebut.

Annuar turut terperanjat apabila difahamkan kawasan di Jalan 2/76D, Desa Pandan yang menempatkan 20 peniaga berlesen sebelum ini kini mempunyai lebih 50 peniaga baharu tanpa lesen.

"Mungkin akan lebih ramai mengambil peluang daripada skim WBB yang bermula hari ini (semalam), namun saya ingin tegaskan DBKL masih menetapkan garis panduan untuk dipatuhi pemohon.

"Peniaga yang gagal mematuhi peraturan ditetapkan DBKL, tindakan penutupan akan turut dikuatkuasakan selepas ini.

"Jangan ingat perkara ini tiada kawalan, malah ia akan diperketatkan supaya lebih tersusun dan mudah dipantau," ujarinya.